



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 9 MEI 2010

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan virus Influenza A(H1N1) aktif bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ini dan di seluruh dunia. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat-tempat di mana orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Kebanyakan kluster jangkitan ILI berlaku di tempat-tempat sebegini seperti sekolah, pusat-pusat latihan dan di tempat kerja. Bagi mengekang penularan ini secara efektif, adalah amat penting bagi mereka yang dijangkiti atau mempunyai gejala ILI melaksanakan TANGGUNGJAWAB SOSIAL supaya TIDAK pergi ke tempat-tempat sedemikian. Ibu-bapa hendaklah memastikan anak-anak yang mengalami gejala ILI tidak dihantar ke sekolah, pengurus pusat-pusat latihan mengasingkan dengan segera pelatih yang sakit dan mereka yang bekerja tidak pergi ke tempat kerja atau ke tempat-tempat tumpuan awam yang lain. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta SENTIASA memakai penutup hidung dan mulut dan mengamalkan adab batuk dan kebersihan diri yang baik. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain daripada terus berlaku.

Orang awam juga diminta untuk terus mengamalkan langkah-langkah mudah mencegah penularan virus H1N1 seperti berikut:

1. Basuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau *sanitiser*, terutamanya selepas batuk atau bersin.
2. Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan.

3. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.
4. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI.
5. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu mendapatkan rawatan segera di klinik yang berdekatan. Rawatan awal sangat penting bagi mengelakkan berlakunya komplikasi jangkitan.

Langkah-langkah mudah di atas sudah terbukti berkesan mengekang penularan jangkitan H1N1. Justeru, orang ramai diminta memberi kerjasama dengan mengamalkan langkah-langkah mudah tersebut bagi mengekang penularan jangkitan ini.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 9 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah empat (4) laporan kejadian kluster ILI daripada tiga (3) negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 8 Mei 2010, sejumlah 41 kes disahkan positif Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,033. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 655 kes. Daripada jumlah tersebut, 95 kes (14.5%) telah disahkan positif influenza A(H1N1).

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan vaksinasi kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 9 Mei 2010

**Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia,
Sehingga 8:00 Pagi Pada 9 Mei 2010**

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	Pusat Latihan Khidmat Negara Tangkas Kendiri, Sauk, Kuala Kangsar, Perak	464	13	Satu sampel positif bagi Influenza A(H1N1)	Satu kes dimasukkan ke wad dan diberikan rawatan anti-viral. Kes-kes yang lain diberikan rawatan simptomatik sebagai pesakit luar dan diasingkan dalam bilik isolasi di kem.
2	Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat, Johor	113	3	Keputusan masih belum diperolehi.	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
3.	Pusat Latihan Khidmat Negara Cheneh Cemerlang, Kemaman, Terengganu	441	15	Keputusan masih belum diperolehi.	Satu kes dimasukkan ke wad, sementara yang lain diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
4.	Pusat Latihan Khidmat Negara Merang Suria, Setiu, Terengganu	476	22	Keputusan masih belum diperolehi.	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar